

## PRUBSN AMANI – SOALAN-SOALAN LAZIM

## Manfaat dan Ciri-ciri Produk

## 1. Apakah PruBSN Amani?

PruBSN Amani ialah pelan Takaful berkumpulan bertempoh setahun yang menawarkan perlindungan penting kepada Ahli yang Dilindungi sekiranya berlaku kematian. Pelan ini menyediakan jaringan keselamatan untuk memastikan orang yang anda sayang dilindungi dari segi kewangan apabila anda tiada. PruBSN Amani adalah produk patuh Syariah.

## 2. Siapakah yang layak menyertai PruBSN Amani?

- a. Ahli yang Dilindungi berumur antara 19 hingga 60 tahun hari lahir akan datang; dan
- b. Penerima Bantuan Keluarga Malaysia (BKM) yang layak menerima Baucar Perlindungan Tenang (PTV) sebanyak RM75.

## 3. Berapakah sumbangan untuk PruBSN Amani?

Sumbangan adalah RM75 dan perlu dibayar melalui penebusan Baucar Perlindungan Tenang (PTV).

## 4. Apakah manfaat yang disediakan dalam PruBSN Amani?

Manfaat	Tempoh Perlindungan	Ringgit Malaysia (RM)
Manfaat Kematian secara Semulajadi	Bulan pertama – Bulan keempat	Manfaat Kematian secara Semulajadi tidak akan dibayar
	Bulan kelima – Bulan kedua belas	15,000
Manfaat Kematian akibat Kemalangan	Bulan pertama – Bulan kedua belas	30,000
Manfaat <i>Khairat</i>	Bulan pertama – Bulan kedua belas	1,700

## 5. Bagaimanakah cara untuk saya mendaftar pelan ini?

Pendaftaran adalah tidak rumit, mudah dan boleh diakses. Pelanggan yang layak akan menerima SMS daripada PruBSN yang mengandungi pautan dan berikut adalah langkah-langkah pendaftaran:

- i. Klik pada pautan dalam SMS.
- ii. Masukkan pin (4-digit terakhir nombor telefon & 4-digit terakhir NRIC) seperti yang diarahkan.
- iii. Klik "Langkah 1" untuk melihat dan memahami pek e-pemberitahuan.
- iv. Klik "Langkah 2" untuk menebus Baucar Perlindungan Tenang anda dan menyertai PruBSN Amani.

Nota: Peringatan SMS akan dihantar selepas 7 hari dan 14 hari dari SMS pertama yang diterima sekiranya anda belum membalas untuk menyertai PruBSN Amani.

## 6. Saya layak menerima Baucar Perlindungan Tenang sebanyak RM75. Namun, saya tidak menerima SMS daripada PruBSN.

SMS akan dihantar secara berperingkat. Sekiranya anda berminat untuk menyertai PruBSN Amani, anda boleh menghubungi Wakil Khidmat Pelanggan kami di talian 03-2775 7188 (Isnin hingga Jumaat, 8.30 pagi – 5.15 petang) atau e-mel kepada [customer@prubsn.com.my](mailto:customer@prubsn.com.my) untuk menyemak status atau kelayakan anda.

7. Saya telah menerima SMS. Namun, saya secara tidak sengaja telah memadam SMS tersebut. Apakah yang patut saya lakukan?  
Anda akan menerima Peringatan SMS selepas 7 hari dan 14 hari dari SMS pertama.
8. Bagaimanakah cara untuk saya membayar sumbangan?
  - a. Setelah langganan dibuat, anda akan menebus Baucar Perlindungan Tenang anda sebagai pembayaran sumbangan.
  - b. Anda akan menerima SMS daripada PruBSN mengenai status penebusan baucar anda. Jika penebusan anda berjaya, anda akan menerima nombor sijil anda melalui SMS dalam tempoh 2 hari bekerja.
9. Bolehkah saya membuat sumbangan bagi pelan ini secara bulanan?  
Sumbangan PruBSN Amani adalah sekali sahaja dan perlu dibayar dengan menebus Baucar Perlindungan Tenang sebanyak RM75.
10. Apakah yang perlu saya lakukan jika saya ingin meneruskan perlindungan takaful di bawah PruBSN Amani selepas tamat tempoh?  
Perlindungan bagi PruBSN Amani adalah selama setahun. Kami akan mengumumkan jika terdapat perubahan atau penambahbaikan yang tersedia untuk anda meneruskan perlindungan setelah tamat tempoh.
11. Bagaimana saya boleh mendapatkan maklumat lanjut mengenai ciri-ciri dan manfaat-manfaat PruBSN Amani?
  - a. Anda boleh merujuk kepada Lampiran Keterangan Produk (PDS), Ringkasan Sijil Induk dan bahan lain di [www.prubsn.com.my](http://www.prubsn.com.my). Semasa proses pendaftaran, anda akan diarahkan untuk melihat dokumen tersebut dengan mengklik pada pautan selamat yang disediakan dalam SMS yang dihantar kepada anda; atau
  - b. Anda boleh menghubungi:
    - i. Wakil Khidmat Pelanggan di 03-2775 7188 (Isnin hingga Jumaat, 8.30 pagi – 5.15 petang); atau
    - ii. Emel kepada: [customer@prubsn.com.my](mailto:customer@prubsn.com.my)
12. Adakah saya layak menerima lebihan?  
Anda layak untuk menerima sebarang lebihan yang boleh diagihkan daripada Dana Tabarru` termasuk keuntungan pelaburan (jika ada) selepas akhir tahun kewangan. Bersama-sama dengan Ahli Yang Dilindungi yang lain, anda layak menerima 50% daripada lebihan yang boleh diagihkan dan PruBSN akan menerima baki 50% sebagai insentif untuk menguruskan Dana Tabarru`. Bahagian anda untuk lebihan yang boleh diagihkan akan dikreditkan terus ke dalam akaun bank anda melalui e-kredit. Amaun sebenar lebihan yang boleh diagihkan akan ditentukan setiap tahun dan tertakluk kepada kelulusan daripada Jawatankuasa Syariah dan Lembaga Pengarah PruBSN.

Sekiranya terdapat defisit daripada Dana Tabarru`, PruBSN tidak akan membayar sebarang lebihan pada tahun kewangan tersebut. Sebaliknya, PruBSN akan menguruskan kerugian tersebut menggunakan Qard (pinjaman tanpa faedah) dan membawa ke hadapan pinjaman tersebut ke tahun berikutnya. PruBSN mungkin akan menggunakan

sebarang lebihan pada masa hadapan untuk membayar balik pinjaman tanpa faedah tersebut. Sebarang baki lebihan akan dianggap sebagai lebihan yang oleh diagihkan.

13. Adakah sumbangan yang dibayar untuk PruBSN Amani layak untuk Pelepasan Cukai Pendapatan?  
Memandangkan sumbangan yang dibayar adalah melalui penebusan Baucar Perlindungan Tenang, maka ia tidak layak untuk Pelepasan Cukai Pendapatan.
14. Apakah caj yang dikenakan di bawah PruBSN Amani?  
Caj Wakalah Pendahuluan sebanyak 30% akan diambil daripada sumbangan dan baki sebanyak 70% daripada sumbangan akan diperuntukkan ke dalam Dana Tabarru` sebagai Potongan Tabarru`.
15. Saya mempunyai masalah kesihatan. Bolehkah saya mengambil bahagian dalam PruBSN Amani?  
Ya, anda boleh mengambil bahagian kerana tidak akan ada soalan yang berkaitan dengan kesihatan yang perlu anda isi semasa langganan. Walau bagaimanapun, manfaat Kematian secara Semulajadi tertakluk kepada Tempoh Menunggu iaitu Manfaat tidak akan dibayar apabila Kematian secara Semulajadi berlaku dalam tempoh empat bulan pertama perlindungan.
16. Apakah pengecualian-kecualian yang dikenakan untuk PruBSN Amani?  
Sila rujuk Lampiran Keterangan Produk dan Ringkasan Sijil Induk untuk maklumat lanjut.
17. Bagaimanakah saya akan menerima Ringkasan Sijil Induk saya selepas menyertai PruBSN Amani?  
Anda boleh melihat Ringkasan Sijil Induk dan bahan lain di [www.prubsn.com.my](http://www.prubsn.com.my) ATAU dengan mengklik pada pautan selamat yang disediakan dalam SMS semasa proses pendaftaran.
18. Bagaimanakah saya boleh mengemas kini maklumat perhubungan dan e-kredit saya?
  - a. Anda boleh mengemas kini maklumat anda dengan menghubungi kami di:
    - i. Wakil Khidmat Pelanggan di 03-2775 7188 (Isnin hingga Jumaat, 8.30 pagi – 5.15 petang); atau
    - ii. Email kepada: [customer@prubsn.com.my](mailto:customer@prubsn.com.my); atau
    - iii. Tulis kepada kami di alamat:  
Khidmat Pelanggan  
Prudential BSN Takaful Berhad 200601020898 (740651-H)  
Aras 13, Menara Prudential,  
Persiaran TRX Barat,  
55188 Tun Razak Exchange,  
Kuala Lumpur.
  - b. Anda boleh mengunjungi cawangan PruBSN/Prudential terdekat; atau
  - c. Sekiranya anda adalah pelanggan PruBSN sedia ada, anda boleh mengemas kini maklumat anda melalui portal web pelanggan PruBSN iaitu PruBSN Touch di [app.prubsn.com.my](http://app.prubsn.com.my).

Kami menggalakkan anda untuk memberi maklumat e-kredit anda kepada kami untuk memudahkan proses lebihan yang boleh diagihkan pada masa hadapan, sekiranya ada.

19. Saya mempunyai sijil PruBSN Amani, bolehkah saya menyertai lagi?  
Anda hanya dibenarkan menyertai satu sijil PruBSN Amani sahaja bagi setiap tempoh perlindungan.
20. Siapakah yang boleh saya hubungi sekiranya saya mempunyai sebarang pertanyaan dan memerlukan bantuan tambahan?  
Anda boleh menghubungi Wakil Khidmat Pelanggan kami di talian 03-2775 7188 (Isnin hingga Jumaat, 8.30 pagi – 5.15 petang) atau e-mel ke [customer@prubsn.com.my](mailto:customer@prubsn.com.my)

## Penamaan

1. Mengapa penting untuk penamaan dibuat?  
Penamaan penting untuk memastikan orang tersayang anda akan menerima perlindungan seperti yang anda kehendaki dan bagi membolehkan manfaat-manfaat sijil dibayar oleh PruBSN tanpa sebarang kelewatan. Penama tersebut boleh menjadi pelaksana (wasi) atau penerima manfaat dibawah Hibah (Hadiah) bersyarat. Tanpa penamaan, manfaat-manfaat sijil akan dibayar kepada wasi atau pentadbir anda yang sah untuk mengagihkannya mengikut undang-undang pengedaran yang terpakai. Proses ini mungkin memerlukan jangka masa yang lebih lama.
- Adalah amat penting untuk anda memaklumkan penama anda mengenai manfaat-manfaat sijil dan penamaan.
2. Siapakah yang boleh saya namakan untuk sijil saya?  
Penama mestilah seorang individu ataupun mana-mana individu. Penamaan organisasi adalah tidak dibenarkan. Adalah penting untuk anda melakukan penamaan kerana ini akan menyenangkan proses tuntutan anda.
3. Bolehkah saya menamakan anak saya?  
Ya, anda boleh. Tetapi anda dinasihatkan untuk menamakan orang dewasa (18 tahun dan keatas) untuk sijil anda. Sekiranya penama di bawah umur 18 tahun semasa penyerahan tuntutan, manfaat-manfaat sijil akan dibayar kepada wasi atau pentadbir anda yang sah atau ibu bapa yang masih hidup untuk mengagihkannya mengikut undang-undang pengagihan yang terpakai.
4. Bagaimanakah saya boleh membuat penamaan?
- Anda boleh mengunjungi cawangan PruBSN/Prudential terdekat; atau
  - Anda boleh menghantar borang penamaan, Borang Pengesahan Tandatangan dan salinan KP penama melalui email dan mengikut langkah seperti di bawah:
    - Muat turun borang penamaan dan Borang Pengesahan Tandatangan dari laman sesawang korporat PruBSN di [www.prubsn.com.my](http://www.prubsn.com.my)
    - Isi borang penamaan dan Borang Pengesahan Tandatangan. Sila pastikan anda faham perbezaan di antara menamakan seseorang individu untuk menerima manfaat takaful sebagai *Wasi* (Pelaksana) atau sebagai *Hibah* (Hadiah). Tandakan kotak dengan sewajarnya.
    - Emelkan dokumen yang lengkap ke [customer@prubsn.com.my](mailto:customer@prubsn.com.my) bersama salinan KP penama.
    - Anda akan diberitahu sebaik sahaja PruBSN telah memperbaharui penamaan anda.

5. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya penama saya meninggal dunia?  
Anda perlu mengemas kini dengan PruBSN penama baru dengan mengikuti langkah-langkah seperti soalan nombor empat (4) di atas.

### Tuntutan-tuntutan

1. Kepada siapakah manfaat sijil PruBSN Amani saya akan dibayar sekiranya berlaku tuntutan?  
Setelah kelulusan tuntutan kematian, manfaat sijil akan dibayar kepada penama anda atau wasi atau pentadbir anda (sekiranya tiada penamaan dibuat).

Adalah amat penting untuk anda memaklumkan penama anda mengenai manfaat-manfaat sijil dan penamaan.

2. Bagaimanakah penama saya boleh melakukan tuntutan?
- Penama anda boleh mengunjungi cawangan PruBSN/Prudential terdekat.
  - Atau penama anda boleh merujuk kepada panduan tuntutan PruBSN untuk Manfaat Kematian dari laman web korporat PruBSN di [www.prubsn.com.my](http://www.prubsn.com.my). Sebagai alternatif, penama anda boleh emel permohonan tersebut ke [customer@prubsn.com.my](mailto:customer@prubsn.com.my) atau hubungi Wakil Khidmat Pelanggan PruBSN di 03 – 2775 7188 (Isnin hingga Jumaat, 8.30 pagi. - 5.15 petang).

3. Bagaimanakah penama saya boleh menyemak status tuntutan atau mendapatkan pencerahan berkenaan keputusan tuntutan?

Penama anda boleh menyemak status tuntutan anda melalui saluran berikut:

- Hubungi Wakil Khidmat Pelanggan PruBSN di 03 – 2775 7188 (Isnin hingga Jumaat, 8.30 pagi. - 5.15 petang.); atau
  - Hantar emel kepada PruBSN di [customer@prubsn.com.my](mailto:customer@prubsn.com.my); atau
  - Kunjungi cawangan PruBSN/Prudential terdekat.
4. Berapa lamakah tuntutan akan diproses?  
Lima (5) hari bekerja diperlukan untuk sebarang pembayaran tuntutan setelah penerimaan dokumen sokongan yang lengkap seperti yang diminta oleh PruBSN.

5. Apakah dokumen yang perlu dihantar semasa tuntutan?
- Dokumen yang perlu dihantar semasa tuntutan adalah seperti berikut:

Jenis Dokumen	Jenis Tuntutan-tuntutan		
	Manfaat <i>Khairat</i>	Kematian secara Semulajadi	Kematian Akibat Kemalangan
Salinan Sebenar yang Disahkan – Sijil Kematian	√	√	√
Salinan KP penuntut	√	√	√

Laporan Polis	X	X	√
Borang Tuntutan dengan butiran e-kredit	√	√	√
Sijil Perawat Perubatan	X	√	√

Sila pastikan semua maklumat adalah tepat dan dokumen adalah lengkap untuk melancarkan proses tuntutan.

- b. Bagi sijil tanpa penamaan, salinan bukti perhubungan yang diperakui (Sijil Perkahwinan atau Sijil Kelahiran) untuk semua penuntut akan diperlukan.

### **Pembatalan dan Penamatan**

1. Bolehkah saya membatalkan sijil saya?  
Anda boleh membatalkan sijil anda dalam masa 15 hari pertama setelah sijil berkuatkuasa. PruBSN akan mengembalikan semula Baucar Perlindungan Tenang. Walau bagaimanapun, sekiranya anda membatalkan selepas 15 hari tempoh rujukan percuma, PruBSN tidak akan mengembalikan semula Baucar Perlindungan Tenang. Sebaliknya, PruBSN akan terus memberi perlindungan kepada anda sehingga tarikh tamat sijil.
2. Di bawah keadaan apakah sijil PruBSN Amani saya akan ditamatkan?  
Sijil anda akan tamat secara automatik (mana-mana berlaku terlebih dahulu):
  - i. apabila Ahli yang Dilindungi meninggal dunia; atau
  - ii. pada tarikh tamat tempoh perlindungan takaful Ahli yang Dilindungi iaitu setahun dari Tarikh Berkuatkuasa Ahli yang Dilindungi; atau
  - iii. apabila menerima arahan bertulis daripada Ahli yang Dilindungi untuk menamatkan perlindungan takafulnya dalam 15 hari Tempoh Rujukan Percuma.